



# **JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

## **LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

<b>RABU, 05 Januari 2022</b>	
<b>1.</b>	<b>Haiwan berkeliaran, penternak boleh didenda RM5000</b>
<b>2.</b>	<b>Pengguna lega, mahu ayam RM7 sekilo</b>
<b>3.</b>	<b>Redah banjir beri makan 25 kambing</b>
<b>4.</b>	<b>- Permintaan telur ayam tinggi, bekalan pula kurang - Peniaga ayam akur walau untung hanya 30 sen - Pengguna lega , peniaga ayam terus tersepit</b>

**DISEDIAKAN OLEH:**

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

## Haiwan berkeliaran, penternak boleh didenda RM5,000



TINDAKAN membiarkan haiwan peliharaan berkeliaran di jalan raya boleh mengundang bahaya kepada orang ramai.

**PUTRAJAYA** – Pemilik haiwan yang membiarkan ternakan mereka berkeliaran di jalanan boleh dikenakan kompaun sehingga RM5,000 bagi setiap ekor oleh pihak berkuasa tempatan.

Amaran tersebut dikeluarkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) susulan banyak aduan diterima daripada masyarakat berkaitan isu berkenaan di daerah Pekan, Pahang bulan lalu.

Sebagai penyelesaian, agensi tersebut turut menguatkuasakan Enakmen Kawalan Kerbau dan Lembu 2001 di negeri berkenaan

bagi pencegahan elemen kacau ganggu dan keselamatan awam.

"Sekiranya disabitkan kesalahan di mahkamah pula, pesalah terbabit akan dihukum denda RM5,000," jelas JPV menerusi satu hantaran yang dikongsi daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Chini, Shafrin Md. Zain.

Hantaran itu merujuk kepada hasil pertemuannya dengan Pegawai Perkhidmatan Veterinar Daerah Pekan, Fazila Hasan ekoran aduan penduduk mengenai ternakan yang bebas berkeliaran di kawasan berkenaan

itu tersebut sangat dipertakutkan ekoran kekerapan berlakunya kemalangan jalan raya terutamanya di sepanjang laluan besar akaes ke Felda Chini.

Mengulas lanjut, Shafrin mengakui sering teresempok dengan lembu yang masih mengari rumput di tepi jalan pada waktu malam khususnya ketika hujan.

"Tindakan terpaksa diambil JPV kerana masih ada pemilik yang degil dan tidak ikut peraturan ditetapkan sehingga membahayakan keselamatan orang ramai," jelas beliau.

## Orang ramai cadang pelaksanaan SHMKM turut libat barangan keperluan lain Pengguna lega, mahu ayam RM7 sekilo

**GEORGE TOWN** – Rata-rata pengguna meluahkan kelegaan berhubung lanjutan penetapan harga menerusi Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) sehingga 4 Februari ini yang mengawal harga 12 barangan makanan keperluan asas.

Tinjauan Kosmo! mendapati, lanjutan penetapan harga menerusi SHMKM mampu mengurangkan bebanan kewangan isi rumah biarpun hanya dalam tempoh sementara.

Seorang pengguna, Siti Aisyah Mahmud, 50, berkata, penurunan harga barangan makanan seperti ayam, telur, kacang panjang dan sawi sememangnya amat dinantikan orang ramai terutama golongan B40.

"Pelaksanaan SHMKM secara tidak langsung membantu menangani isu berlaku kenaikan harga yang mendadak.

"Bukan semua rakyat mampu hadapi trend kenaikan harga barangan ini. Golongan B40 yang terkesan teruk terutama ketika pandemik Covid-19.

"Pelaksanaan SHMKM ini sekurang-kurangnya memberi peluang untuk kami berjimat cermat dalam urusan pembelian barangan makanan keperluan. Lebih-lebih lagi mempunyai bilangan isi rumah yang ramai," katanya yang berharap agar SHMKM dapat dilanjutkan lagi.

Kosmo! semalam melaporkan, golongan peniaga mengesakan kerajaan agar mengkaji semula kepu-



PENGGUNA berpuas hati dengan harga sayur-sayuran yang dikawal di bawah SHMKM di Pasar Presint 8, Putrajaya baru-baru ini.

tusan melanjutkan SHMKM terhadap 12 jenis barangan sehingga 4 Februari depan.

Malah, ada penjual mendakwa hanya memperoleh untung sebanyak 60 sen untuk setiap kilogram ayam setelah membeli ayam pada harga RM8.50 sekilogram daripada pemborong.

Di **Bangi**, seorang pembeli, Aisyah Mansor, 51, berkata, walaupun ada penurunan harga dan terkawal, namun tetap memberi kesan jika dibandingkan dengan harga sebelum ini.

"Saya berpendapat harga ayam perlu diturunkan kepada RM7 sekilogram.

"Walaupun kerajaan sudah



KEKURANGAN bekalan telur ayam Gred A, B dan C masih berlaku di George Town walaupun harganya dikawal kerajaan. – NOOR HASLIZA NUR

tetapi bila harga RM9.10, tetap perlu berjimat untuk membeli barang basah lain yang kos telah turut meningkat," katanya.

Di **Alor Setar**, seorang pengunjung Pasar Besar Alor Setar, Siti Roziah Ismail, 50, berkata, pelaksanaan SHMKM langkah yang baik bagi membendung kenaikan harga lebih tinggi.

"Harga barangan bawah SHMKM itu masih tinggi kerana sebelum ini kami boleh beli ayam bawah RM7 sahaja," katanya.

Di **Putrajaya**, seorang pelanggan Pasar Presint 8, Muhammad Fahim Mat Salleh berkata, SHMKM seharusnya ditamatkan jika bekalan 12 barangan yang di-

senaraikan mampu dijual dengan harga yang lebih rendah.

Di **Kuala Terengganu**, seorang pengguna di Pasar Bukit Besar, Nur Fariyah Shafie, 26, berkata, dia berterima kasih dengan inisiatif kerajaan mengawal harga, namun RM9.10 sekilogram ayam dilihat masih membekalkan terutama buat mereka yang berkeluarga besar.

Guru sebuah sekolah di berkata, isu harga barang mestilah merupakan sesuatu yang telah lama berlanjutan dan wajar ditangani secara serius.

"Pelaksanaan skim kawalan harga ini cuma penyelesaian jangka pendek," tegasnya.



KERATAN Kosmo! semalam.

menetapkan harga kawalan terhadap ayam, namun turun sedikit sahaja, harga tetap tinggi tidak banyak beza untuk pembeli macam saya.

"Sebelum ini harga ayam RM7 sekilogram boleh beli seekor,



MD Ali meninjau keadaan kambingnya di Kampung Beringin. - Gambar NSTP/NAZRI ABU BAKAR

# Redah banjir beri makan 25 kambing

Warga emas sempat alihkan 15 lembu ke tempat selamat

Oleh Nazri Abu Bakar  
am@hmetro.com.my

## Alor Gajah

**B**uat masa ini kami terpaksa meredah banjir untuk memberi makan 25 ekor kambing yang masih terperangkap di dalam kandang," ujar Md Ali Ibrahim, 74, yang menetap di Kampung Beringin, di sini.

Katanya, kandang kayu menempatkan ternakan kambingnya dibina agak tinggi menyebabkan banjir

belum menenggelamkan haiwannya itu.

"Saya berdoa banjir yang melanda kampung ini sejak tiga hari ini sejak tiga hari lalu kembali pulih bagi memudahkan urusan membawa keluar haiwan ternakan itu.

"Jika terpaksa, saya akan menggondong kambing ini seekor demi seekor untuk dipindahkan ke lokasi lebih tinggi," katanya.

Menurutnya, situasi banjir kali ini lebih teruk berbanding gelombang pertama bulan lalu sehingga lebih 10 rumah dinaiki air dan penghuninya ditempatkan di pusat pemindahan sementara (PPS).

"Mujur 15 ekor lembu milik saya sudah dialihkan ke tempat selamat sebelum banjir besar berlaku. Jika tidak, su-

dah pasti ternakan saya itu akan mati lemas," katanya.

Sementara itu menantu-nya Haziran Ramli, 36, berkata, gelombang kedua banjir kali ini menyebabkan rumah dan sawah penduduk di Kampung Beringin di sini, bertukar menjadi lautan.

Haziran berkata, penduduk memaklumkan kejadian pada 1971 memusnahkan sawah padi selain menyebabkan jambatan Kampung Beringin yang dalam pembinaan ketika itu roboh dibawa arus banjir.

**“**  
**Jika terpaksa,**  
**saya akan**  
**menggondong**  
**kambing ini seekor**  
**demi seekor**  
**Md Ali**

# Permintaan telur ayam tinggi, bekalan pula kurang

Oleh NOOR HASLIZA NUSI  
utusan@mediamalaysia.com.my

**GEORGETOWN:** Bekalan telur ayam di negeri ini kini dikatakan semakin berkurangan berikutan mendapat permintaan tinggi dalam kalangan pengusaha pasar raya mini dan restoran makanan termasuk nasi kandar.

Ini susulan pelaksanaan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) melibatkan 12 barangan keperluan makanan yang berkuat kuasa pada 1 Januari lalu hingga 4 Februari depan.

Berdasarkan SHMKM, harga runcit bagi telur ayam Gred A dijual pada harga 43 sen sebiji, 41 sen bagi Gred B manakala Gred C 39 sen sebiji.

Seorang pemborong telur ayam yang hanya mahu dikenali sebagai Zulkifli, 43, berkata, berlaku kekurangan bekalan telur ayam bagi ketiga-tiga gred tersebut sejak pelaksanaan skim kawalan harga baharu mulai Sabtu lalu.

Menurutnya, terdapat peningkatan terhadap tempahan barangan keperluan itu terutama dalam kalangan peniaga kedai runcit, pasar raya mini dan besar



**BEKALAN** telur ayam di Pulau Pinang kini dikatakan semakin berkurangan berikutan mendapat permintaan tinggi dalam kalangan pengusaha pasar raya mini dan restoran makanan.

serta pengusaha restoran makanan termasuk nasi kandar sehingga 60 peratus.

"Rata-rata mereka mula menempah bekalan telur dalam kuantiti yang banyak iaitu antara 40 hingga 50 bekas setiap hari bermula minggu ini.

"Berbanding Disember tahun lalu, tempahan telur hanya dibuat tiga kali dalam seminggu iaitu maksimum dalam 20 bekas sahaja.

"Berikutan permintaannya yang tinggi, bekalan telur semakin berdepan kekurangan

susulan penurunan harga dalam skim kawalan," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini, semalam.

Dalam pada itu, Zulkifli turut mengakui masih terdapat sebahagian kecil peniaga runcit di pasar awam negeri ini menolak menjual bekalan telur berikutan memperoleh nilai keuntungan yang terlalu kecil iaitu hanya satu sen.

"Ramai mereka (peniaga runcit) merungut akan kenaikan kos plastik hari ini sehingga memberi kesan terhadap perniagaan mereka.

"Disebabkan itu, peniaga terpaksa memutuskan untuk tidak lagi menjual telur ayam kerana tidak sanggup berdepan kerugian disebabkan beberapa kenaikan barangan mentah," ujarnya yang mendapatkan bekalan telur dari Seberang Perai Selatan dekat sini.

Sementara itu, seorang peniaga runcit di pasar awam daerah Barat Daya yang juga mahu dikenali sebagai Ali, 45, berkata, dia tetap dengan keputusan untuk tidak memasarkan lagi telur ayam kerana tidak sanggup menanggung kerugian.

## Pengguna lega, peniaga ayam terus tersepit

**GEORGETOWN:** Rata-rata pengguna kini lega biarpun menyedari keadaan itu hanya sementara apabila harga bagi 12 barangan makanan keperluan terutama ayam standard dipasarkan pada RM9.40 sekilogram.

Mereka yang ditemui *Utusan Malaysia* di sini semalam berkata, penetapan harga baharu menerusi Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) yang berkuat kuasa pada 1 Januari mampu mengurangkan bebanan kewangan isi rumah biarpun hanya tempoh 34 hari.

Seorang pengguna, Siti Aishah Mahmud, 50, berkata, penurunan harga bagi barangan makanan keperluan seperti ayam, telur, kacang panjang dan sawi sememangnya amat dinantikan rakyat negara ini terutama bagi golongan B40.

Menurutnya, pelaksanaan SHMKM secara tidak langsung membantu rakyat menguruskan kewangan dengan bijak selain



**ORANG** ramai lega dengan penurunan harga bagi 12 barangan makanan keperluan menerusi pelaksanaan SHMKM sehingga 4 Februari depan meskipun menyedari ia hanya bersifat sementara.

dapat merancang kehidupan dengan lebih baik.

"Ketika ini, semua barang keperluan termasuk yang tidak jangka atau tidak terlibat dengan skim kawalan harga telah ber-

laku kenaikan harga yang mendadak.

"Bukan semua rakyat mampu untuk hadapi trend kenaikan barangan ini. Kami golongan B40 antara yang terkesan teruk den-

gan keadaan ketika ini terutama akibat pandemik Covid-19.

"Pelaksanaan SHMKM ini sekurang-kurangnya memberi peluang untuk kami berjimat-cermat dalam urusan pembelian barangan makanan keperluan. Lebih-lebih lagi bagi yang mempunyai bilangan isi rumah yang ramai," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Sementara itu, seorang peniaga ayam di pasar awam di sini yang hanya mahu dikenali sebagai Din, 43, pula memberitahu, peniaga kini tersepit untuk akur dengan arahan pelaksanaan SHMKM.

"Kami juga berdepan dengan peningkatan kos barang mentah iaitu plastik dan terpaksa membayar gaji harian pekerja dan sewa premis.

"Setiap kali isu kenaikan harga berbangkit, hanya peniaga ayam yang difokuskan. Kami juga ada tanggungan keluarga dan hutang bank yang perlu diselesaikan. Kami juga ialah pengguna.

## Peniaga ayam akur walau untung hanya 30 sen

**KUALA TERENGGANU** Walaupun cuma meraih untung 30 sen untuk setiap ekor ayam yang dijual, seorang peniaga di Pasar Bukit Besar di sini akur terhadap penetapan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM).

Aziwana Mohamad, 41, berkata, barangan itu kekal dijual pada harga siling RM9.10 sekilogram sehingga 4 Februari depan dan tidak berhasrat menjual lebih mahal bagi mengelak sebarang tindakan yang memakan diri.

"Saya sekadar untung 30 sen kerana harga dibeli daripada pembekal ialah RM8.80 sekilogram. Saya harap tiada kenaikan harga di peringkat pembekal atau penternak dalam masa terdekat kerana keadaan sekarang sudah cukup membebankan peniaga," katanya ketika ditemui hari ini.

Baru-baru ini, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi mengumumkan SHMKM bagi 12 jenis barangan yang sepatutnya berakhir 31 Disember lalu dilanjutkan sehingga 4 Februari 2022 sebagai langkah berterusan untuk menstabilkan harga di samping memastikan keberadaan bekalan.

Sementara itu, tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati harga ayam yang dijual di Pasar Bukit Payung, Marang adalah RM11 sekilogram manakala RM13 sekilogram di Pasar Kuala Berang, Hulu Terengganu.

Seorang pengguna, Nur Fariyah Shafie, 38, berkata, walaupun harga kawalan sudah ditetapkan kerajaan, namun masih ada segelintir peniaga yang ingkat arahan tersebut dan menaikkan harga sesuka hati.